

Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 Memilih Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Sebagai Mata Pelajaran Elektif Di Smk Mutiara Rini Skudai, Johor

Yusof Bin Boon & Masmera Binti Atan
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian secara deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenal-pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar Tingkatan 4 memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor. Faktor-faktor yang dikaji ialah minat pelajar, dorongan rakan sebaya, keluarga dan guru. Seramai 35 orang responden yang mewakili keseluruhan populasi terlibat dalam penyelidikan ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi 26 item berdasarkan kepada skop kajian. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A, melibatkan latar belakang responden dan bahagian B melibatkan respon responden terhadap aspek yang dikaji. Kesahan item dalam soal selidik telah dilakukan oleh dua orang pakar bidang. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dalam kajian rintis, dan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.9288. Analisis kajian dibuat berdasarkan frekuensi, peratusan dan min serta data diproses dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages For Social Science*) versi 11.5. Hasil kajian menunjukkan responden memberi jawapan yang positif terhadap keempat-empat aspek yang dikaji dengan jumlah keseluruhan min keempat-empat persoalan kajian menunjukkan nilai yang sederhana. Faktor dorongan yang paling mempengaruhi pelajar ialah faktor minat, diikuti oleh faktor guru dan rakan sebaya. Faktor yang paling kurang memberi kesan kepada pelajar dalam pemilihan mata pelajaran tersebut ialah faktor keluarga. Berdasarkan dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor pendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif di SMK Mutiara Rini, Skudai mengikut jantina. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk kajian akan datang.

Katalunci: Lukisan Kejuruteraan

Pengenalan

Lukisan Kejuruteraan adalah merupakan satu mata pelajaran yang penting kepada para pelajar yang mengikuti aliran teknikal dan vokasional, namun begitu bagi pelajar di sekolah menengah akademik harian yang menjadikan mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif, ia merupakan satu jalan alternatif bagi mereka mempelajari salah satu dari bidang kejuruteraan, kerana untuk menjadi seorang ahli teknikal, kemampuan untuk membaca dan mentafsirkan sesebuah lukisan kejuruteraan adalah merupakan satu keperluan yang penting. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan ini, adalah menjadi tanggungjawab agensi yang terlibat terutamanya para guru dan pihak sekolah memikirkan langkah yang terbaik bagi menarik minat, mendorong serta memotivasikan pelajar dan guru dalam menguruskan pengajaran dan pembelajaran dalam Lukisan Kejuruteraan. Kurikulum yang baik dan mantap perlu diubahsuai dari semasa ke semasa bagi mengikut keperluan dan perkembangan teknologi moden kerana sistem pendidikan teknikal mampu melahirkan sebuah masyarakat baru yang berilmu, berkemahiran serta budaya maju dan mencerminkan aspirasi Wawasan 2020.

Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan merupakan mata pelajaran yang amat penting dalam sistem pendidikan kita. Pengaplikasian Lukisan Kejuruteraan dalam bidang kejuruteraan amat luas di mana ia

memerlukan pelukis-pelukis yang benar-benar berketrampilan dalam menghasilkan ciptaan-ciptaan yang berkualiti agar negara kita tidak terus ketinggalan dalam arus teknologi yang semakin maju.

Berasaskan fakta di atas, kajian ini dijalankan bagi mengenal-pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Bagi faktor pelajar, kajian dibuat daripada aspek minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut, aspek keluarga dan guru dari segi motivasi serta faktor rakan sebaya yang mendorong pelajar memilih mata pelajaran tersebut.

Objektif Kajian

Kajian ini mengandungi beberapa objektif yang hendak dicapai bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar Tingkatan 4 memilih mata-pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata-pelajaran elektif. Antaranya ialah untuk:

- i. Mengetahui sama ada faktor minat mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.
- ii. Mengetahui sama ada faktor rakan sebaya mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.
- iii. Mengetahui sama ada faktor keluarga mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.
- iv. Mengetahui sama ada faktor guru mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.
- v. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan faktor pendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif mengikut jantina.

Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji dapat menghuraikan faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar Tingkatan 4 di SMK Mutiara Rini, Skudai dalam memilih mata-pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata-pelajaran elektif. Dapatan kajian ini adalah penting kepada:

- i. Pelajar-pelajar yang masih berada di sekolah menengah rendah agar mereka dapat merencana serta merancang matlamat pembelajaran mereka dengan jelas dan tepat.
- ii. Guru-guru khususnya bagi mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan agar dapat mempertingkatkan lagi daya usaha mereka untuk memberi pengetahuan dan pendedahan yang sebaik mungkin kepada anak didik mereka. Selain itu diharapkan agar para guru dapat membuat pemantauan diri terhadap peranan dan tanggungjawab mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara formal dan tidak formal.
- iii. Pengurusan sekolah untuk mengenal pasti faktor dan kepentingan yang wajar diberi perhatian untuk mengekalkan kualiti pendidikan. Secara langsung membolehkan keperluan tenaga guna dapat dipenuhi dalam merealisasikan wawasan yang telah digarapkan dan diwar-warkan oleh pemimpin negara.
- iv. Jabatan Pendidikan Negeri agar dapat menyusun program, aktiviti dan motivasi sebagai pendedahan yang sewajarnya kepada para pendidik dan pelajar.
- v. Kementerian Pelajaran Malaysia agar dapat membuat pemantauan yang berterusan terhadap sistem dan kurikulum pendidikan yang sedia ada dalam mempertingkatkan mutu pendidikan di negara kita seiringan dengan visi "Pendidikan Yang Bertaraf Dunia".

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan 4 di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor. Sebanyak 35 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif sahaja yang diambil sebagai sampel kajian.

Data dikumpulkan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Jawapan yang diberikan adalah mengikut keikhlasan responden. Kajian yang dibuat hanya di SMK Mutiara Rini, Skudai sahaja, dengan itu data yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan kepada semua Sekolah Menengah di Malaysia.

Skop yang akan dikaji dalam penyelidikan ini adalah melibatkan aspek minat pelajar dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan, pengaruh rakan sebaya serta guru dan keluarga pelajar.

Metodologi

Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian yang diambil adalah terdiri daripada semua populasi iaitu seramai 35 orang pelajar-pelajar tingkatan 4 yang memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif mereka di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan maklum balas dan pengumpulan data. Penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan kerana menurut Syed Arabi (1992), penggunaan soal selidik lebih praktikal, berkesan dan menjimatkan masa. Selain daripada itu, soal selidik dapat mengelakkan daripada bias kepada pihak penemu bual serta memberi peluang kepada responden berfikir ketika menjawab. Instrumen tersebut juga dapat membantu mencapai objektif kajian dengan lebih berkesan.

Pembinaan soal selidik telah dilakukan berdasarkan kepada andaian yang dicadangkan oleh Wiersma (1991), iaitu:

- i. Responden dapat membaca dan memahami item-item;
- ii. Responden mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal-selidik; dan
- iii. responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik.

Pembinaan Soal Selidik

Soal selidik telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan faktor-faktor yang mendorong responden dalam memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Faktor-faktor seperti minat, pengaruh rakan sebaya, keluarga dan guru telah dijadikan sebagai item-item soal selidik. Soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian iaitu:

1 Bahagian A

Dalam Bahagian A, maklumat yang diperlukan adalah berkaitan dengan biodata responden seperti kelas, aliran, jantina, bangsa, dan agama.

Soalan yang dikemukakan mengandungi beberapa jawapan di mana responden hanya perlu menandakan pilihan pada ruang yang dirasakan sesuai dengan diri responden. Item bahagian tersebut merupakan soalan tertutup. Menurut Sidi (1981), soalan tertutup sesuai digunakan untuk memperolehi data objektif, tanpa maklumat tambahan dan penilaian responden.

2 Bahagian B

Bahagian B mengandungi 26 pernyataan yang dibahagikan kepada empat bahagian mengikut persoalan kajian iaitu faktor minat, pengaruh rakan sebaya, keluarga dan guru. Setiap taburan item soalan pula dikelaskan mengikut setiap pemboleh ubah yang dikaji.

Pernyataan-pernyataan soal selidik adalah mengikut Skala Likert. Skala Likert digunakan kerana skala ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi iaitu sehingga 85 peratus (Mohd Majid, 1994). Skala Likert jenis lima mata digunakan untuk menilai dapatan kajian.

Kajian Rintis

Suatu kajian rintis telah dijalankan pada 11 Januari 2008 bagi menguji kesesuaian soal selidik yang direka bentuk. Sampel kajian rintis terdiri daripada 20 orang pelajar-pelajar Tingkatan 4 di SMK Taman Universiti, Skudai, Johor yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif untuk menjawab soal selidik yang telah dibina. Pemilihan tersebut dibuat berasaskan kepada latar belakang dan persekitaran yang sama dengan sampel kajian sebenar.

Selain itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian terutamanya pada penggunaan istilah dan struktur ayat yang diajukan dalam instrumen tersebut. Tuckman (1994), menyatakan bahawa kajian rintis yang dijalankan bertujuan untuk menguji item dari segi bahasa dan untuk mendapatkan darjah kebolehpercayaan dalam mengukur ketepatan dan ketekalan instrumen.

Data yang diperolehi daripada kajian rintis diproses dengan menggunakan program SPSS Windows versi 11.5. Berikut adalah keputusan daripada hasil analisis data kajian rintis yang dilakukan.

Jadual 1: Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan Mengikut Faktor

Bil	Faktor-faktor	Nilai Kebolehpercayaan
1	Faktor minat	0.7613
2	Faktor rakan sebaya	0.8483
3	Faktor keluarga	0.6936
4	Faktor guru	0.7476
Nilai Alpha Semua Item		0.9288

Dalam kajian rintis yang telah dijalankan, keputusan menunjukkan kebolehpercayaan (*Reliability Coefficient*) Alpha bagi keseluruhan item yang dibina ialah 0.9288. Nilai alpha yang paling tinggi adalah pada faktor rakan sebaya iaitu 0.8483, diikuti oleh faktor minat (0.7613) dan faktor guru (0.7476). Nilai alpha yang paling rendah pula ialah pada faktor keluarga, iaitu 0.6936. Secara keseluruhannya, semua nilai alpha bagi item faktor-faktor tersebut boleh diterima pakai dan mempunyai kebolehpercayaan yang baik untuk dibuat kajian sebenar. Bersesuaian dengan kenyataan Mohd Majid (1994), meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan dan menjadikan rujukan

paling minimum untuk diterima. Nilai keboleh percayaan yang boleh diterima pakai adalah antara 0.6 hingga 1.0.

Keputusan

Jadual 2 menunjukkan purata min keseluruhan bagi faktor minat, rakan sebaya, keluarga dan guru dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Hasil kajian menunjukkan purata min keseluruhan bagi setiap faktor ialah 2.94, iaitu berada pada tahap sederhana.

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan wujud pengaruh terhadap keempatempat faktor tersebut yang mendorong pelajar-pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Namun demikian tahap kecenderungan pelajar-pelajar memilih mata pelajaran tersebut disebabkan dorongan faktor minat, rakan sebaya, guru dan keluarga masih pada tahap sederhana (min purata, 2.94).

Antara keempat-empat faktor tersebut, nilai yang paling tinggi ialah faktor minat individu terhadap mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan itu sendiri, dengan nilai min 3.51. Ini diikuti dengan faktor guru, iaitu 2.82 dan faktor rakan sebaya dengan nilai minnya 2.74. Faktor yang paling minima kesannya ke atas pemilihan mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif ialah faktor keluarga, dengan nilai min sebanyak 2.68.

Jadual 2: Purata Min Keseluruhan Bagi Setiap Faktor

Bil	Faktor Pemilihan	Purata Min	Tahap Pencapaian
1	Faktor Minat	3.51	Sederhana
2	Faktor Rakan Sebaya	2.74	Sederhana
3	Faktor Keluarga	2.68	Sederhana
4	Faktor Guru	2.82	Sederhana
Purata Min		2.94	Sederhana

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Skor bagi Faktor Minat, Rakan Sebaya, Keluarga dan Guru

Skor	Frekuensi	Peratus
Rendah	2	5.7
Sederhana	29	82.9
Tinggi	4	11.4
Jumlah	35	100

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut skor bagi faktor-faktor minat, rakan sebaya, keluarga dan guru dalam mendorong pelajar-pelajar Tingkatan 4 memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif mereka di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa faktor-faktor tersebut berada pada tahap sederhana dengan 82.9 peratus, tinggi sebanyak 11.4 peratus dan nilai rendah hanya sebanyak 5.7 peratus. Ini menunjukkan wujud faktor minat, rakan sebaya, keluarga dan guru dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif tetapi hanya pada tahap sederhana sahaja.

Perbincangan

Faktor Minat Terhadap Pemilihan Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Sebagai Mata Pelajaran Elektif

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa minat terhadap mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam kalangan responden adalah pada tahap sederhana, dengan purata min, 3.51. Ini bermakna mereka yang memilih mata pelajaran tersebut sebagai mata pelajaran elektif memang mempunyai minat dalam bidang tersebut.

Min yang tertinggi dapat dilihat pada item 17, menyatakan sebilangan besar responden bersedia memperuntukkan masa yang lebih untuk mempelajari mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Dapatan ini bertepatan dengan pernyataan Frykland (1950), bahawa minat yang timbul dalam diri pelajar akan mempengaruhi proses pembelajaran mereka. Jika seseorang itu berminat terhadap sesuatu perkara, individu tersebut akan menunjukkan sikap dan tingkah laku yang bersungguh-sungguh dan bersedia untuk belajar dengan tekun hingga mencapai kejayaan.

Daripada dapatan kajian juga menunjukkan 57.1 peratus responden memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif kerana suka dengan tajuk Lukisan Teknik dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah, di samping minat yang mendalam di dalam bidang Sains dan Matematik. Kenyataan tersebut disokong dengan kenyataan responden yang bersetuju bahawa rujukan yang mereka buat sebelum ini berkaitan Lukisan Kejuruteraan menyebabkan mereka tertarik memilih mata pelajaran tersebut sebagai mata pelajaran elektif. Ini menunjukkan responden tahu akan kepentingan serta mempunyai pengetahuan mengenai Lukisan Kejuruteraan sebelum memilih mata pelajaran tersebut. Minat dalam diri seseorang boleh dibentuk melalui pengalaman sendiri atau melalui pembelajaran, seperti yang dinyatakan oleh Syarifah Alwiyah (1983), bahawa minat sebagai daya penggerak atau kecenderungan seseorang itu memberikan perhatian terhadap seseorang, benda atau sebarang kegiatan.

Dalam diri seseorang, minat merupakan sesuatu yang tidak boleh dipaksa dan ianya juga sama pada setiap individu. Bagi memupuk minat seseorang terhadap sesuatu bidang yang hendak diceburi, seseorang individu itu perlu didedahkan dengan situasi sebagaimana yang dikehendaki. Dengan ini, lambat laun individu tersebut akan tertarik untuk melakukannya atau berusaha untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam lagi. Dalam usaha untuk membentuk seseorang individu itu, minat memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan situasi yang positif atau sebaliknya. Menurut Nazibar (2003), jika seseorang itu berminat akan sesuatu, individu tersebut akan terus memberi tumpuan sepenuhnya kepada perkara-perkara yang diminatinya.

Kesimpulannya, faktor minat merupakan faktor yang sederhana dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor.

Faktor Rakan Sebaya Terhadap Pemilihan Mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan Sebagai Mata Pelajaran Elektif

Dapatan menunjukkan faktor rakan sebaya adalah pada tahap sederhana dengan purata min, 2.74. Ini bermakna wujud dorongan rakan sebaya yang mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif.

Nilai min yang tertinggi dapat dilihat pada item 6 dan 18. Majoriti responden bersetuju mereka berbincang dengan rakan, di samping merujuk kepada rakan yang pernah mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan terlebih dahulu sebelum memilih mata pelajaran tersebut sebagai mata pelajaran

elektif. Menurut Mohd Salleh (1999), rakan sebaya bermaksud satu kelompok kanak-kanak atau remaja yang sama umur atau pada peringkat perkembangan. Rakan sebaya juga merupakan salah satu daripada faktor persekitaran sosial yang mempengaruhi minat dan pencapaian pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Kesan daripada pergaulan pelajar yang mempunyai minat dan cita rasa tinggi terhadap mata pelajaran tersebut menyebabkan seseorang itu meminati perkara yang sama.

Nilai min yang terendah pula dapat dilihat pada item 2. Pada item tersebut sebahagian besar daripada responden iaitu sebanyak 71.4 peratus didapati tidak bersetuju dengan pernyataan mereka memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan kerana rakan-rakan mereka turut memilih mata pelajaran yang sama. Kenyataan tersebut disokong oleh item 14 dan 26, di mana majoriti responden tidak bersetuju pemilihan mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dibuat disebabkan oleh ajakan rakan-rakan, dan keinginan untuk belajar bersama-sama rakan karib mereka. Menurut Holland (1973), pengaruh rakan sebaya semakin berkurangan apabila seseorang individu mengalami kematangan dari segi usia dan juga mentalnya. Dalam usia begini ternyata pengaruh rakan sebaya tidak begitu memberi kesan terhadap pertimbangan seseorang. Pelajar-pelajar yang matang akan memilih jalan yang menuju untuk kebaikan dan bukannya untuk keburukan. Dalam bilik darjah guru merupakan orang yang dapat memainkan peranan dalam membuat keputusan secara bijak tanpa memberi kesan kepada pelajar-pelajar sekiranya pendapat yang diberi adalah salah atau tidak menepati kehendak mereka.

Kesimpulannya faktor rakan sebaya merupakan faktor yang sederhana dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor.

Faktor Keluarga Terhadap Pemilihan Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai Mata Pelajaran Elektif

Dapatan kajian menunjukkan purata min adalah 2.68, iaitu pada tahap sederhana. Ini bermakna wujud dorongan faktor keluarga dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif.

Keluarga memainkan peranan yang penting dalam membentuk sikap dan minat pelajar terhadap pelajaran. Di samping itu, ibu bapa dalam sesebuah keluarga turut mempunyai pengaruh dalam membentuk hala tuju masa depan anak-anak mereka berdasarkan minat yang ditunjukkan. Sikap ibu bapa yang positif terhadap pendidikan serta galakan yang diberi terhadap pembelajaran anak-anak akan meningkatkan lagi prestasi akademik, minat dan pencapaian mereka. Menurut Koh dan Chua (1982), ibu bapa yang memberi galakan dan perangsang kepada anak, akan menjadi penggerak kepada minat anak-anak dalam persekolahan, dan akan membantu mereka melibatkan diri secara aktif dan berkesan kepada sebarang aktiviti persekolahan mereka. Minat anak dalam aktiviti persekolahan akan membantu peningkatan dalam pencapaian pelajaran.

Nilai min yang terendah pula dapat dilihat pada item 19. Berdasarkan item tersebut, majoriti responden iaitu sebanyak 82.9 peratus didapati tidak bersetuju dengan pernyataan yang menyatakan bahawa mereka memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif kerana mengikut kehendak keluarga mereka. Ini bermakna tiada unsur paksaan oleh keluarga mereka dalam pemilihan mata pelajaran tersebut. Ibu bapa boleh membentuk hala tuju anak-anak mereka berdasarkan kepada minat yang ditunjukkan. Dalam menentukan hala tuju anak-anak, segala unsur paksaan seharusnya dielakkan sama sekali kerana minat yang ada pada seseorang tidak sama. Daripada pendapat Abu Zahari (1988), minat untuk belajar juga boleh hilang berpunca daripada gangguan emosi, masalah keluarga dan masalah peribadi. Di sinilah peranan keluarga untuk mengambil tahu segala masalah yang dihadapi oleh pelajar bagi memastikan mereka mempunyai kesediaan yang tinggi terhadap pembelajarannya.

Berdasarkan dapatan kajian juga mendapati sebanyak 65.7 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan keluarga mereka sering membelikan buku rujukan berkaitan Lukisan Kejuruteraan, menyebabkan mereka tertarik memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Berdasarkan maklumat profil responden, didapati rata-rata keluarga pelajar berpendapatan sederhana dan tinggi manakala, purata adik beradik pula adalah seramai empat orang. Dalam hal ini, latar belakang keluarga seperti pekerjaan, pendapatan, taraf akademik dan saiz keluarga mempengaruhi faktor ini. Menurut Mok (1999), keluarga yang berpendapatan lebih kebiasaannya mampu menyediakan pelbagai kemudahan seperti tempat belajar yang selesa, buku-buku rujukan dan guru tuisyen bagi membantu anak-anak mereka dalam pencapaian akademik yang tinggi. Di samping itu, perkara ini turut berlaku disebabkan oleh keluarga yang kurang berpengetahuan dan prihatin tentang mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.

Kesimpulannya faktor keluarga merupakan faktor yang sederhana dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor.

Faktor Guru Terhadap Pemilihan Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Sebagai Mata Pelajaran Elektif

Dapatan kajian menunjukkan purata min adalah 2.82, iaitu pada tahap sederhana. Ini bermakna wujud dorongan faktor guru yang mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif.

Nilai tinggi pada item 20 diikuti oleh item 23 dengan min, 2.97. Sebanyak 45.7 peratus responden bersetuju ceramah kerjaya yang disampaikan oleh guru di sekolah menyebabkan mereka tertarik memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Pernyataan tersebut disokong oleh Bruner (1960), yang menyatakan cara yang paling baik untuk membina minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran ialah dengan menerangkan kepentingan mata pelajaran tersebut dan ilmu yang diperoleh itu amat berguna dalam kehidupan. Selain itu, mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan mempunyai hubungan dengan mata pelajaran teknikal lain. Penguasaan yang baik dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan secara tidak langsung dapat membantu memudahkan urusan kehidupan seharian di samping, memudahkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Item yang paling rendah pula boleh didapati pada item 16 dan 12 dengan nilai min 2.26 dan 2.49. Berdasarkan item tersebut, sebanyak 65.7 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang menyatakan mereka berbincang dengan guru kaunseling terlebih dahulu sebelum membuat keputusan memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Selain itu, pemilihan mata pelajaran tersebut bukanlah disebabkan oleh pengaruh daripada penjelasan yang disampaikan oleh guru Kemahiran Hidup mereka.

Guru yang bijak akan menghasilkan pelajar berkualiti dan cemerlang. Walau bagaimanapun sesuatu kejayaan itu bergantung kepada usaha pelajar sendiri dalam menentukan kecemerlangan akademiknya. Dalam menentukan pencapaian pelajar yang lebih baik, adalah perlu bagi seseorang guru itu lebih berpengetahuan dari muridnya kerana guru yang berpengetahuan akan dapat memberikan ilmunya dengan sebaik mungkin. Profesion perguruan dianggap sebagai satu bidang professional justeru itu sudah semestinya para guru mempunyai sikap yang positif serta komitmen terhadap tugas yang telah diamanahkan kepada mereka.

Kesimpulannya faktor guru merupakan faktor yang sederhana dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor

Perbezaan Faktor Pendorong Pelajar Memilih Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Sebagai Mata Pelajaran Elektif Mengikut Jantina

Dapatan kajian terhadap persoalan kajian yang kelima adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan antara jantina, lelaki dan perempuan mengikut faktor minat, rakan sebaya, keluarga dan guru dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Kaedah yang digunakan bagi mendapatkan hasil kajian ialah dengan menggunakan Ujian T (*Independent T-Test*), di bawah program SPSS versi 11.5. Berdasarkan dapatan kajian tersebut mendapati nilai keseluruhan yang diperolehi ialah $p=0.908 > \alpha 0.05$. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor minat, rakan sebaya, keluarga dan guru dalam mendorong pelajar memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif di SMK Mutiara Rini, Skudai, Johor.

Dalam masyarakat Malaysia pada suatu ketika dahulu, perbezaan jantina yang terlibat dalam sesuatu bidang seperti pekerjaan dan sukan umpamanya, sentiasa diambil kira. Pada kebiasaannya, kaum lelaki lebih diberi keutamaan berbanding kaum perempuan. Sebagai contoh, jawatan ketua untuk mentadbir sesuatu organisasi dianggap kurang sesuai untuk wanita. Begitu juga dengan aktiviti sukan atau pekerjaan lasak amat kurang melibatkan kaum wanita. Kenyataan tersebut disokong oleh Stones (1974), yang menyatakan pelajar lelaki lebih berminat kepada aktiviti berbentuk fizikal, mekanikal dan lain-lain berkaitan sains, politik dan perniagaan, berbanding pelajar perempuan.

Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan sosial dan akademik pelajar hari ini banyak dipengaruhi oleh pembangunan negara. Secara positifnya, pelajar kini mempunyai pelbagai kemudahan yang boleh membantu mereka menjadi lebih cemerlang jika dibandingkan dengan generasi terdahulu. Tidak ada unsure diskriminasi yang wujud dalam kalangan kaum wanita, malah mereka sudah mula diberi peluang menceburi pelbagai bidang yang dahulunya dimonopoli oleh kaum lelaki. Semua pihak perlu menerima hakikat bahawa lelaki dan perempuan perlu diberi hak yang setaraf dalam semua bidang yang diceburi oleh mereka.

Menurut Tyler (1991), peluang pendidikan hendaklah diberi kepada semua pelajar memilih sesuatu yang diminatinya. Dalam hal ini, semua pelajar perlu diberi peluang yang sama untuk melibatkan diri secara mendalam sewaktu proses pembelajaran, terutamanya bagaimana menjalankan aktiviti dengan cara yang berkesan. Kajian tersebut disokong oleh Enwisstle et al. (1990, dalam Abdul Ghani, 1996, halaman 27), mendapati golongan pelajar yang bermotivasi tinggi terhadap kursus yang diikutinya sama ada pelajar lelaki ataupun pelajar perempuan menunjukkan skor pencapaian yang tinggi dalam peperiksaan mereka. Mereka yang memahami kursus yang diambil secara mendalam akan melahirkan sifat ingin tahu terhadap bidang kursus tersebut, berbanding dengan pelajar yang mengikuti kursus yang mereka tidak minati.

Rumusan

Daripada kajian yang telah dijalankan, secara keseluruhannya didapati faktor minat, rakan sebaya, keluarga dan guru telah menjadi pendorong kepada pelajar untuk memilih mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Namun demikian, dorongan daripada faktor-faktor tersebut masih pada peringkat sederhana sahaja. Pelajar merupakan generasi pewaris yang bakal menentukan hala tuju wawasan negara pada masa akan datang. Bagi memikul tanggungjawab tersebut, maka generasi kini perlu diberi pengetahuan dalam bidang ilmu yang benar-benar mereka minati dan bersesuaian dengan mereka, sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran yang bakal ditempuh kelak. Kerjasama antara semua pihak yang melibatkan pembangunan pendidikan perlu diselaraskan dan sentiasa diawasi supaya kualiti dan kuantiti pelajar cemerlang dapat dijana mengikut keperluan semasa negara.

Rujukan

- Abdul Ghani Awang (1996). *Kemahiran Belajar di Institusi Pengajian Tinggi*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Fatah. (1997). *Keupayaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 4 Sek. Men. Teknik Kuantan. Satu Tinjauan*. UTM Skudai.: Tesis PSM.
- Abu Zahari Abu Bakar (1988). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd..
- Ahmad Fauzi (11.7.2001). *Pelajar Mengamuk Pada Perhimpunan Sekolah*. Berita Harian, m.s.1.
- Ahmad Mahzan Ayob (1993). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Best, J.W dan Kahn, J.V (1998). *Research in Education. 8th ed*. M.A: Allyn and Bacon.
- Bloom, B.J. (1989). *Taksonomi Objektif Pendidikan Buku Pedoman 1: Domain Kognitif*. (diterjemah dari *Taxonomy of Educational Objektif Book I : Cognitif Domain. London: Longman Group, 1979, oleh Abdullah Junus*). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bruner J.S. (1960). *The Process of Education*. New York: Vintage Books.
- Crow, L.D. & Crow,A. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1992). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng (1995). *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak (Asas Pendidikan 4)*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (1996). *Psikologi Pendidikan I: Psikologi Perkembangan*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ee Ah Meng (1988). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Fraser. E. (1977). *Home Environment and The School*. University of London Press, London.
- Fryland V.C. (1994). *Trade and Job Analysis*. New York: The Bruce Publishing Co.
- Frykland V.C. (1950). *Trade and Job Analysis*. New York: The Bruce Publishing Co.
- Habibah Mohd Samin (1995). *Hubungan Latar Belakang Guru dan Persepsi terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Hassan Mohd Ali (1996). *Mendidik Anak Pintar Cerdas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.

Holland J.L.(1973). *Making Vocational Choice: A Theory of Careers*. Printice Hall: New Jersey. 3(1); 69-83.

Jawatankuasa Penerbit Buku Teks, (1996). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kamarudin Kachar (1996). *Pendidikan dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.

Kamus Dewan Edisi Baru (1993). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.